

**AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010**  
**SOALAN LAZIM**

**A. LATARBELAKANG STA 2010**

**Soalan 1**

**Apakah Akta Perdagangan Strategik 2010?**

Akta Perdagangan Strategik 2010 (Akta 708) ialah Akta yang mengawal eksport, memindahkan, membawa dalam transit dan pemberian barang strategic serta teknologinya, termasuk senjata dan bahan yang berkaitan, dan aktiviti lain yang akan atau boleh menyumbang kepada reka bentuk, pembangunan, penghasilan senjata pemusnah besar-besaran dan sistem penghantarnya. Akta ini selaras dengan obligasi antarabangsa Malaysia berkenaan dengan keselamatan Negara.

**Soalan 2**

**Adakah terdapat undang-undang lain yang berkaitan dengan STA 2010?**

Undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengan STA 2010 adalah:

1. Akta Haiwan 1953 (Akta 647)
2. Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304)
3. Akta Konvensyen Tenaga Kimia 2005 (Akta 641)
4. Akta Kastam 1967 (Akta 235)
5. Akta Racun Makhluk Perosak 1974 (Akta 149)
6. Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167)
7. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)
8. Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta 634)
9. Akta Racun 1952 (Akta 366)
10. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (Akta 589)

Sila juga ambil maklum bahawa sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasian antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain (yang berhubungan dengan WMD dan sistem penghantarnya), termasuk undang-undang yang berkaitan, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah, setakat percanggahan atau ketidakselarasian itu, disifatkan digantikan.

### **Soalan 3**

#### **Kenapakah Akta ini digubal?**

Pada 2004, Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu telah meluluskan satu resolusi yang memerlukan negara anggota untuk mewujudkan sistem kawalan eksport bagi menghalang percambahan senjata pemusnah besar-besaran. Sebagai negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)i, Malaysia perlu mengawal eksport barang strategik yang boleh digunakan untuk aktiviti percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

### **Soalan 4**

#### **Bagaimanakah Akta ini boleh memberi manfaat kepada Malaysia?**

Enakmen dan pelaksanaan STA 2010 boleh mendatangkan manfaat kepada Malaysia dari segi:

- (i) meningkatkan imej Malaysia dan keyakinan di kalangan pelabur asing untuk melabur di Malaysia;
- (ii) memudahcara dan menguruskan eksport barang dan komponen berteknologi tinggi dari Malaysia ke negara lain;
- (iii) melindungi Malaysia dan para pengeksport daripada dieksplotasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan pihak yang mengaut keuntungan secara haram tanpa mengganggugugat aktiviti perdagangan barang strategik yang sah; dan
- (iv) mempromosikan Malaysia sebagai sebuah rakan dagangan yang selam.

Kepatuhan kepada obligasi antarabangsa ini akan membolehkan Malaysia menyumbang kepada usaha mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa dengan memerangi aktiviti percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

### **Soalan 5**

#### **Siapakah kumpulan sasaran Akta ini?**

Kumpulan sasaran Akta ini adalah kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti eksport, memindahkan, membawa dalam transit, atau pembrokeran barang strategik. Ini termasuk para pengeksport, peniaga, pengeluar, broker dan pihak lain yang memiliki barang tersebut ketika ia dieksport. Ini juga termasuk aktiviti mana-mana pihak yang samada bertindak bagi pihak sendiri atau agen kepada pihak lain dan terlibat secara langsung dengan rundingan, pembelian, pembiayaan, penyampaian, aktiviti jual beli serta pembekalan barang strategik.

### **Soalan 6**

#### **Bagaimanakah cara untuk mematuhi Akta STA 2010?**

Pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti eksport, pemindahan, membawa dalam transit dan pembrokeran barang strategik perlu memperolehi permit/ sijil pendaftaran broker

daripada pihak berkuasa berkaitan dan menyimpan rekod transaksi serta dokumen berkaitan bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan.

### **Soalan 7**

**Bagaimana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan STA 2010 dan pelaksanaannya?**

Anda boleh menghantar e-mail kepada [admin.sts@miti.gov.my](mailto:admin.sts@miti.gov.my) atau menghubungi talian hotline kami, 03-6200 0585 untuk mendapatkan sebarang maklumat berkenaan STA 2010.

## **B. DEFINISI DAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIKAWAL DI BAWAH STA 2010**

### **Soalan 1**

**Kenapakah saya perlu mengambil berat terhadap pematuhan kawalan eksport?**

Pihak yang didapati melanggar undang-undang ini adalah tertakluk kepada penalti yang berat sepetimana yang digariskan dalam STA 2010.

### **Soalan 2**

**Apakah yang dmaksudkan sebagai eksport?**

Eksport bermaksud:

- (i) untuk membawa keluar dari Malaysia apa-apa barang melalui darat, laut atau udara, atau untuk meletakkan apa-apa barang dalam sesuatu pengangkutan untuk dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut atau udara; atau
- (ii) untuk menghantar teknologi melalui apa-apa kaedah ke suatu destinasi di luar Malaysia, komunikasi jika teknologi tersebut terkandung dalam suatu dokumen yang sesuatu dan termasuk apa-apa penghantaran teknologi secara lisan atau visual melalui suatu peranti bahagiannya dibacakan, digambarkan atau dipaparkan menerusi peranti komunikasi itu mengikut cara yang mencapai matlamat yang sama iaitu perpindahan teknologi.

### **Soalan 3**

**Apakah yang didefinisikan sebagai membawa dalam transit?**

“Membawa dalam transit” merujuk kepada pembawaan masuk barang dari mana-mana negara ke dalam Malaysia melalui darat, laut atau udara di mana barang tersebut akan dibawa keluar dari Malaysia atas pengangkutan yang sama dengan pengangkutan yang membawa barang itu ke dalam Malaysia atau apa-apa pengangkutan lain dan sama ada atau tidak barang itu didaratkan atau dipindahkan di Malaysia, tetapi tidak termasuk perjalanan pengangkutan asing yang membawa apa-apa barang menerusi Malaysia mengikut undang-undangan antarabangsa.

#### **Soalan 4**

##### **Apakah definisi memindahkan?**

Memindahkanialah mengalihkan barang dari pengangkutan yang membawa masuk barang tersebut ke Malaysia dan untuk meletakkan barang itu di atas pengangkutan yang sama atau yang lain bagi maksud membawanya keluar dari Malaysia di mana perbuatan ini dilakukan berdasarkan *Bill of Lading*, berdasarkan *Airway Bill*atau berdasarkan *Manifest*.

#### **Soalan 5**

##### **Apakah definisi pemberokeran?**

“Pemberokeran” bermaksud aktiviti seseorang samada bagi pihaknya sendiri atau dengan bertindak sebagai ejen bagi pihak orang lain dengan merunding, mengaturatau memudahcara pembelian, pembiayaan, pengangkutan, penjualan atau pembekalan barang; atau membeli, menjual atau membekalkan barang strategik.

Di bawah STA 2010, seorang broker dikehendaki untuk mendaftar di bawah seksyen 19 STA 2010 dan memiliki sijil broker yang sah dari pihak berkuasa yang relevan bawah undang-undang berkaitan untuk pemberokeran barang strategik sekiranya dia:

- (i) dimaklumkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau pegawai yang diberi kuasa;
- (ii) mengetahui; atau
- (iii) mempunyai alasan munasabah untuk mengesyaki

bahawabarangan strategik tersebut mempunyai niat untuk atau kemungkinan, secara keseluruhan atau sebahagian akan digunakan dalam aktiviti terhad.

#### **Soalan 6**

##### **Siapakah yang dikategorikan sebagai broker?**

Broker merujuk kepada individu atau syarikat yang terlibat dalam aktiviti pemberokeran termasuk transaksi barang strategik di negara asing dan mengeksport barang tersebut kepada negara asing yang lain. Barang strategik tidak semestinya melalui atau memasuki Malaysia.

### **C. KLASIFIKASI DAN SENARAI BARANGAN STRATEGIK**

#### **Soalan 1**

##### **Apakah yang dimaksudkan dengan barang strategik?**

Barangan strategik merujuk kepada barangan atau teknologi yang terdikawal di bawah STA 2010.Satu senarai item strategik yang terperinci dan komprehensif digariskan dalam Perintah Perdagangan Strategik (Barangan Strategik)2010. Perintah ini menggariskan

barang yang perlu dikawal sepetimana terkandung dalam rejim kawalan eksport antarabangsa serta Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang berkenaan

Barangan tersebut dikategorikan seperti berikut:

- Category ML : Military items;*
- Category 0 : Nuclear materials, facilities and equipment;*
- Category 1 : Special materials and related equipment;*
- Category 2 : Materials processing;*
- Category 3 : Electronics;*
- Category 4 : Computers;*
- Category 5 : Telecommunications and information security;*
- Category 6 : Sensors and lasers;*
- Category 7 : Navigation and avionics;*
- Category 8 : Marine; and*
- Category 9 : Aerospace and propulsion*

Senarai barang strategik yang lengkap boleh dirujuk di laman web MITI melalui pautan seperti berikut: [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) > STA 2010 > Strategic Items under the STA 2010.

## **Soalan 2**

**Bagaimanakah saya boleh mengetahui sekiranya barangan yang hendak dieksport dari Malaysia tersenarai di dalam senarai barangan strategik?**

Adalah menjadi tanggungjawab pengeksport untuk menentukan sama ada produk mereka disenaraikan sebagai barangan strategik atau tidak dan seterusnya untuk mendapatkan permit sebelum barangan tersebut dieksport.

Senarai item strategik ialah senarai yang telus dan diterbitkan dalam warta sebagai Perintah Perdagangan Strategik (Barangan Strategik) 2010.

Perintah Perdagangan Strategik (Barangan Strategik) 2010 boleh dibeli daripada Percetakan Nasional Berhad. Pengeksport juga boleh menyemak senarai barangan strategik melalui laman web [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) > STA 2010 > Strategic Items under STA 2010.

## **Soalan 3**

**Bolehkah sesuatu barangan yang ditakrifkan sebagai tidak strategik di bawah undang – undang kawalan eksport Negara asing dikecualikan dari permit eksport dibawah STA 2010?**

Syarikat di Malaysia perlu mematuhi STA 2010 serta merujuk kepada Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 untuk menentukan samada barangan syarikat dikawal atau tidak. Permit STA diperlukan sekiranya barangan tersebut disenaraikan dalam Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010. Syarikat juga perlu menentukan sekiranya barangan tersebut adalah barangan tidak tersenarai di bawah STA 2010, di mana mereka juga perlu memohon untuk permit untuk barangan tidak tersenarai tersebut.

#### **Soalan 4**

**Apakah Kod Kategori dan bagaimanakah ia berbeza dari *Harmonized Commodity Description and Coding System (Kod HS) Kastam*?**

Kod Kategori adalah satu kaedah klasifikasi alpha-numeric yang digunakan untuk menentukan kod kawalan barang eksport melalui Senarai Barang Strategik serta mengenalpasti pihak berkuasa yang bertanggungjawab mengeluarkan permit eksport.

Ianya berbeza dengan Kod HS yang digunakan oleh pihak Kastam untuk menentukan duti import serta mengumpul data perdagangan dan statistik.

Kod Kategori mempunyai 5 karakter, contohnya, 1A002, 4D003, atau 9E102. Terdapat 11 kategori dalam Senarai Barang Strategik. Nombor pertama kod kategori merujuk kepada penentuan kumpulan barang strategik, contohnya **ML = Military List, 1 = Special materials and related equipment, 4 = Computers, atau 9 = Aerospace and Propulsion.**

#### **• STRATEGIC ITEMS CODE**



##### **Categories and Numbering Scheme**

<b>1</b> Technical Category	<b>C</b> Product Group	<b>1</b> Regime Origin	<b>18</b> Item. No.
0 Nuclear Materials, Facilities and Equipment	A Systems, Equipment, Components	0: Wassenaar or NSG Trigger List	
1 Materials, Chemicals, "Microorganism" and "Toxins"	B Test, Inspection and Product Equipment	1: MTCR 2: NSG Dual-Use List	
2 Material Processing	C Materials	3: AG	
3 Electronics	D Software	4: CWC	
4 Computers	E Technology		
5 Telecommunications and "Information Security"			
6 Sensors and Lasers			
7 Navigation and Avionics			
8 Marine			
9 Propulsion Systems, Space Vehicles and Related Equipment			


#### **Soalan 5**

**Bagaimanakah saya dapat menentukan samada produk saya adalah strategik?**

Anda perlu merujuk kepada Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 untuk menentukan samada barang itu adalah strategik atau sebaliknya, di mana senarai tersebut dibahagikan kepada dua kategori iaitu ketenteraan dan dwi-guna. Senarai tersebut tidak menggunakan Kod HS Kastam, sebaliknya ia menggunakan kod berasaskan 5 alpha numeric yang digunakan untuk kawalan eksport diperingkat antarabangsa (terdapat perbezaan kod bagi sesetengah negara). Bagi tujuan permohonan permit, anda perlu menggunakan kod alpha numeric yang telah dinyatakan.

Sebelum membuat semakan, adalah penting bagi pengeksport untuk mengenalpasti terlebih dahulu spesifikasi produk, material yang digunakan untuk menghasilkan produk tersebut serta penggunaan akhir produk.

Salah satu cara untuk menentukan samaada produk itu dikawal atau tidak adalah dengan pengilang, pengimport serta pesaing-pesaing syarikat yang lain. Jika produk anda menepati spesifikasi barang strategik, anda perlu memohon permit. Walau bagaimanapun, jika ia tidak disenaraikan, ia tidak bermakna bahawa ianya bukan barang strategik kerana berkemungkinan ianya terletak di bawah kategori barang tidak tersenarai.



Maraging Steel (EU 1C116, 1C216)	Pumps (EU 2B350.i)
<p>Maraging steel is a specially prepared iron alloy with high Ni and low carbon content. It has superior strength, machinability, and corrosion resistance.</p>  <p>Most maraging steel is controlled (not as complicated as Aluminum)</p>	<p><b>Pumps</b> (EU 2B350.i)</p> <p><b>Nuclear Use</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Enrichment (centrifuge rotors)</li> </ul> <p><b>Missile Use</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Solid rocket motor cases, propellant tanks, interstages; rocket and missile skins</li> </ul> <p><b>Non-WMD Use</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Sporting goods – fencing blades, bicycle frames, golf clubs</li> <li>-Industrial – engine and high-wear assembly line components, manufacture of dies</li> <li>-Aerospace – undercarriage parts and wing fittings</li> </ul> <p><b>Control</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Having an ultimate tensile strength <math>\geq 1500</math> MPa at 293 K in the form of sheet, plate or tube with wall or plate thickness <math>\leq 5</math> mm</li> <li>-Capable of an ultimate tensile strength <math>\geq 2050</math> MPa at 293 K</li> </ul> <p><b>Chemical Use</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Through out CW production cycle</li> </ul> <p><b>Non-WMD Use</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Production of chemicals, petroleum products, and pharmaceuticals</li> <li>-Water treatment and supply</li> <li>-Water desalination</li> <li>-Manufacture of pulp and paper</li> </ul> <p><b>Control</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Multiple-seal and seal-less pumps, maximum flow-rate <math>&gt; 0.6 \text{ m}^3/\text{h}</math></li> <li>-Vacuum pumps, maximum flow-rate <math>&gt; 5 \text{ m}^3/\text{h}</math></li> <li>-Casings (pump bodies), preformed casing liners, impellers, rotors or jet pump nozzles designed for such pumps</li> <li>-Corrosion-resistant materials as specified</li> </ul> <p><b>Pumps move materials from one point to another within an industrial process by pushing the material through the pump or by creating a vacuum to pull material from one place to another.</b></p>  <p>Magnetically coupled centrifugal pump</p>  <p>Typical centrifugal pump</p>

## Soalan 6

### Apakah "barangan tidak tersenarai"?

Barangan tidak tersenarai adalah barangan yang boleh digunakan dalam sesuatu aktiviti yang dilarang tetapi tidak dikelaskan sebagai barangan strategik di bawah Perintah Perdagangan (Barang Strategik) 2010. Seseorang itu dikehendaki untuk memaklumkan Pihak Berkuasa yang berkenaan sekiranya beliau ingin mengeksport, memindahkan, atau membawa dalam transit apa-apa barangan tidak tersenarai sekurang-sekurangnya 30 hari sebelum aktiviti tersebut dijalankan jika:

- i) dimaklumkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
- ii) tahu; atau
- iii) mempunyai sebab untuk mengesyaki

bahawa barang tersebut akan atau mungkin digunakan secara keseluruhan atau sebahagiannya bagi aktiviti terlarang.

Setelah dimaklumkan oleh pihak berkuasa, seseorang itu dikehendaki memohon permit eksport, pemindahan atau pembawaan dalam transit bagi barang tidak tersenarai berkenaan.

### **Soalan 7**

**Adakah permit di bawah STA diperlukan sekiranya hanya bahagian-bahagian tertentu produk adalah barang strategik?**

Bagi keadaan sedemikian, sila kemukakan spesifikasi teknikal produk kepada pihak STS untuk penilaian.

### **Soalan 8**

**Jika saya mengendali atau menyimpan barang untuk bukan pemastautin di dalam gudang saya, bagaimana saya dapat memastikan bahawa produk tersebut adalah barang strategik atau tidak strategik?**

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk menentukan sama ada barang itu adalah strategik atau tidak. Untuk tujuan ini, anda perlu mendapatkan klasifikasi barang daripada pengilang atau pemilik barang. STA 2010 mempunyai bidang kuasa luar wilayah(*extraterritorial jurisdiction*) dan boleh digunakan ke atas pemilik barang di luar negara, sekiranya maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau dipalsukan.

### **Soalan 9**

**Adakah saya perlu untuk mendaftar di bawah STA 2010 jika produk yang dieksport tidak tersenarai sebagai barang strategik?**

Produk yang tidak tersenarai dalam barang strategik tidak memerlukan permit. Walau bagaimanapun, STA 2010 meletakkan kewajipan kepada pengeksport untuk mengisyiharkan barang sebagai barang tidak tersenarai jika dia dimaklumkan oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan atau sekiranya tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana barang tidak tersenarai itu akan atau mungkin digunakan bagi suatu aktiviti terhad.

### **Soalan 10**

**Bagaimana untuk memohon permit STA bagi barang yang tidak tersenarai?**

Sekretariat telah menyediakan kod kategori baru bagi barang tidak tersenarai seperti berikut:

MU999 : Barang Ketenteraan

0U999-Kategori 0: Material, Fasiliti dan Perkakasan Nuklear

1U999-Kategori 1: Material, Kimia, Mikroorganisma dan Toksin

2U999-Kategori 2: Pemprosesan Material

3U999 Kategori 3: Elektronik

4U999 Kategori 4: Komputer

5U999 Kategori 5: Telekomunikasi dan "Sekuriti Maklumat"

6U999 Kategori 6: Sensor dan

7U999-Kategori 7: Navigasi & Avionik

8U999-Kategori 8: Marin

9U999-Kategori 9:Sistem Pendorongan, Kenderaan Angkasa & Perkakasan berkaitan

### **Soalan 11**

**Adakah Jabatan Kastam menjalankan pemeriksaan mengejut bagi menentukan sama ada barang yang dihantar adalah strategik atau tidak?**

Sebagai pegawai diberi kuasa di bawah STA 2010, Jabatan Kastam boleh membuat pemeriksaan mengejut terhadap sebarang barang eksport sebelum penghantarnya dilaksanakan. Di dalam borang kastam K2 dan K8, satu medan telah diwujudkan yang memerlukan semua pengeksport untuk mengisyiharkan barang yang dieksport di bawah STA 2010. Keperluan ini adalah mandatori. Jabatan Kastam berhak untuk memohon maklumat tambahan seperti spesifikasi produk yang dieksport untuk menentukan sama ada produk itu tersenarai sebagai strategik atau tidak. Pihak Kastam bagaimanapun akan membenarkan pengeksportan sungguh pun penilaian ke atas barang belum selesai.

Berdasarkan manifest yang dikemukakan bagi membawa barang dalam transit dan pemindahan kapal, pihak berkuasa pelabuhan boleh meminta spesifikasi produk atau kelulusan dari agensi-agensi yang diberi kuasa sebelum barang dibenarkan untuk meneruskan perjalanan ke destinasi akhir

### **Soalan 12**

**Adakah terdapat sebarang bantuan yang diberikan untuk pengelasan barang di bawah STA 2010?**

Bantuan ada disediakan, di mana sampel dan spesifikasi barang boleh dikemukakan kepada Sekretariat Perdagangan Strategik untuk penilaian. Sekiranya penilaian melibatkan kos untuk ujian makmal, kos tersebut perlu ditanggung oleh pemohon. Sewajarnya, ini merupakan langkah terakhir. Ia memerlukan sedikit masa memandangkan keperluan untuk menghantar ke institusi teknikal untuk membuat penentuan.

### **Soalan 13**

**Adakah kesemua alat ganti dan komponen kapal terbang dikawal di bawah STA?**

Secara umumnya, alat ganti dan komponen kapal terbang untuk tujuan komersial/awam tidak dikawal di bawah STA. Walau bagaimanapun, bagi menentukannya, syarikat adalah bertanggungjawab untuk menyemak Kod Kategori dan Deskripsi Barangan di dalam Senarai Barangan Strategik, khususnya Kod Kategori berikut:

- ML 10
- 7A003
- 9A001
- 9A003

Syarikat juga dikehendaki mengemukakan deskripsi terperinci dalam Borang Pengisytiharan Kastam. Sampel deskripsi terperinci adalah seperti berikut:

- Alat ganti kapal terbang untuk tujuan komersial/awam
- Alat ganti kapal terbang untuk tujuan ketenteraan

Terdapat juga pengecualian daripada permit STA yang diberikan dalam 4 Kod Kategori di atas yang mana syarikat dikehendaki mengemukakan sijil daripada pihak berkuasa penerbangan daripada negara-negara anggota Wassenaar Arrangement (WA) [sila rujuk pautan ini untuk Senarai Negara WA <http://www.wassenaar.org/participants/> secara terus kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM).

**D. PERMOHONAN PERMIT, PENDAFTARAN BROKER DAN INTERNAL COMPLIANCE PROGRAM (ICP)**

**Soalan 1**

**Apakah jenis-jenis permit yang terdapat di bawah STA 2010?**

Jenis –jenis permit yang terdapat di bawah STA 2010 adalah seperti berikut:

- (i) Permit sekali guna;
- (ii) Permit pukal;
- (iii) Permit kegunaan pelbagai kali;
- (iv) Permit Khas

Untuk aktiviti pembrokeran barang strategik, seseorang perlu mempunyai Sijil Broker.


**Soalan 2**

**Jenis permit manakah yang sesuai untuk syarikat saya?**

Jenis permit yang perlu dipohon bergantung kepada keperluan serta aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh syarikat. Deskripsi bagi setiap jenis permit adalah seperti berikut:

- (i) Permit Sekali Guna- boleh digunakan sekali sahaja untuk eksport, membawa dalam transit, atau memindahkan barang strategik ke satu Negara atau destinasi;
- (ii) Permit Pukal – adalah bagi eksport, membawa dalam transit atau memindahkan pelbagai kali barang strategik ke satu Negara atau destinasi. Permit Pukal hanya akan dipertimbangkan sekiranya syarikat mempunyai *Internal Compliance Program (ICP)* yang telah diluluskan oleh Sekretariat Perdagangan Strategik.
- (iii) Permit Kegunaan Pelbagai Kali- adalah bagi eksport, pembawaan dalam transit atau memindahkan barang strategik pelbagai kali ke pelbagai Negara atau destinasi. Permit kegunaanpelbagai kali hanya akan dipertimbangkan sekiranya syarikat telah mempunyai *Internal Compliance Program (ICP)* yang telah diluluskan oleh Sekretariat Perdagangan Strategik.
- (iv) Permit Khas – boleh digunakan sekali sahaja untuk eksport, membawa dalam transit dan memindahkan barang strategik ke satu pengguna akhir terhad.

## **TYPES OF PERMITS**



### **Soalan 3**

#### **Apakah Internal Compliance Program (ICP)?**

ICP adalah:

- (i) Prosedur dalaman syarikat yang dilaksanakan untuk memastikan urusniaga syarikat mematuhi keperluan-keperluan di bawah STA 2010. ICP adalah merupakan satu prasyarat bagi syarikat-syarikat yang bercadang untuk mendapatkan Permit Pukal atau Permit Kegunaan Pelbagai Kalidi bawah STA 2010.
- (ii) Komitmen secara sukarela oleh syarikat untuk membantu pihak berkuasa dengan memastikan kawalan dalaman serta prosedur syarikat adalah teratur untuk mengelakkan syarikat daripada dimanipulasi oleh pencambah senjata pemusnah besar-besaran.
- (iii) Komitmen kepada ICP adalah dipenuhi apabila syarikat telah mewujudkan proseduryang menyeluruh untuk menyiasat latar belakang pembeli dan pengguna akhir sebelumbarang dan/atau teknologi strategik dieksport.

Elemen-elemen penting ICP:

- (a) Pernyataan bertulis berkenaan kawalan eksport syarikat;
- (b) Pelantikan seorang pegawai dari peringkat pengurusan untuk memantau pelaksanaan ICP dan pelantikan tersebut menyatakan dengan jelas tanggungjawab serta jawatan pegawai dalam syarikat;
- (c) Polisi dan prosedur berkaitan pematuhan yang jelas disediakan menggunakan kepala surat syarikat;
- (d) Laporan dan keputusan yang telus berkenaan eksport;
- (e) Mempunyai maklumat berkenaan pelanggan dan kegunaan akhir barang yang dieksport;
- (f) Sistem pemprosesan berpusat bagi eksport barang strategik;
- (g) Sistem amaran awal serta tapisan bagi semua pertanyaan dan tempahan; dan
- (h) Semua dokumen yang melibatkan transaksi barang strategik disimpan dengan teratur selama sekurang-kurangnya 6 tahun.

- (iv) Garispanduan serta senarai semak bagi dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan boleh didapati melalui laman web [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)>STA 2010>Internal Compliance Programme. Dokumen-dokumen berkenaan perlu diserahkan secara manual dengan menyertakan surat rasmi dengan menggunakan kepala surat syarikat. Surat tersebut harus ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab ke atas kawalan eksport.

#### **Soalan 4**

##### **Bilakah saya perlu memohon permit eksport/ sijil pendaftaran broker?**

Permohonan untuk mendapatkan permit eksport /sijil pendaftaran broker hendaklah dibuat tidak kurang daripada tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut sebelum barang strategik dieksport/ aktiviti pembrokeran dilaksanakan/ penghantaran teknologi strategik:

- i) permit sekali guna – 30 hari;
- ii) permit pukal – 30 hari;
- iii) permitkegunaan pelbagai kali - 30 hari;
- iv) permit khas – 30 hari; dan
- v) sijil pendaftaran broker- 30 hari bekerja.

Piagam Pelanggan STS adalah 5 hari bekerja selepas permohonan diterima bersama-sama dokumen yang lengkap dan teratur.

#### **Soalan 5**

##### **Apakah tempoh sahlaku bagi permit eksport/ pendaftaran broker?**

- i) permit sekali guna – sah selama 6 bulan;
- ii) permit pukal – sah selama 2 tahun;
- iii) permitkegunaan pelbagai kali- sah selama 2 tahun;
- iv) permit khas – sah selama 1 tahun; dan
- v) sijil pendaftaran broker- sah selama 1 tahun

#### **Soalan 6**

##### **Bagaimanakah cara untuk memohon permit STA?**

Permohonan permit di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 adalah dibuat secara atas talian kecuali bagi permohonan pendaftaran broker yang dibuat secara manual. Permohonan permit STA 2010 melibatkan dua peringkat:

- (i) Pra-pendaftaran: dan
- (ii) Permohonan permit.

### Pendaftaran (Peringkat 1)

- (i) Syarikat perlu mengemukakan permohonan kepada DagangNet Technologies (DNT) untuk mendapatkan ID pengguna dan kata laluan untuk mendaftarkan syarikat di bawah sistem e-permit STA 2010.
- (ii) Syarikat dikehendaki melengkapkan maklumat yang diperlukan secara atas talian dan seterusnya mengemukakan permohonan.

### Permohonan Permit(Peringkat 2)


- (i) Selepas pendaftaran syarikat diluluskan, syarikat akan diberikan sebuah token tandatangan digital. Token ini semasa memohon permit. Token tersebut akan diberikan kepada syarikat atas nama pegawai yang telah didaftarkan dalam sistem e-permit STA.\*oleh DNT.
- (ii) Syarikat boleh mengemukakan permohonan permit atas talian dengan menggunakan Token Tandatangan Digital.
- (iii) Permohonan permit yang lengkap diterima, bersama-sama semua dokumen sokongan yang diperlukan, akan diproses dalam masa 5 hari bekerja.


\*Nota:

Sekiranya pegawai yang didaftarkan meletak jawatan, beliau perlu mengembalikan token tandatangan digital miliknya kepada syarikat. Seterusnya, syarikat perlu memaklumkan (DNT) mengenai peletakan jawatan atau pertukaran pegawai tersebut supaya token tandatangan digital dapat dinyahaktifkan. Bagi keadaan dimana token itu hilang atau tersalah letak, syarikat perlu membuat laporan polis dan sesalinan laporan polis tersebut perlu dihantar ke MITI, sebelum syarikat dibenarkan memohon token tandatangan digital yang baru.

### **Carta Aliran bagi Permohonan Permit:**

#### Fasa1





### **Soalan 7**

**Pihak berkuasa manakah yang terlibat dalam pengeluaran permit STA?**

Terdapat empat (4) pihak berkuasa yang mengeluarkan permit di bawah STA 2010:

- (i) Sekretariat Perdagangan Strategik, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
- (ii) Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB);
- (iii) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC); dan
- (iv) Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia

### **Soalan 8**

**Apakah dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan permit?**

Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan permit/pembaharuan permit eksport/ membawa dalam transit/ pemindahan dan permit khas adalah seperti berikut:

- (i) Penyata Kegunaan Akhir;
- (ii) Spesifikasi Teknikal Barang; dan
- (iii) Lain-lain dokumen (sepertimana yang diminta oleh pihak berkuasa pelesenan)

### **Soalan 9**

**Harga yang mana perlu dicatatkan dalam permohonan permit: adakah harga yang syarikat kenakan kepada pengguna akhir, atau harga muktamad yang pengguna akhir kenakan kepada pelanggan mereka?**

Harga yang perlu dicatat dalam permohonan permit adalah harga jualan barang kepada pengguna akhir.

### **Soalan 10**

**Bolehkah eksport melebihi jumlah kuantiti dan nilai yang diluluskan dalam permit pelbagai kali dan permit pukal?**

Jumlah eksport bergantung kepada kuantiti dan nilai yang diluluskan dalam permit. Syarikat diminta untuk memastikan jangkaan/peruntukan dilakukan berdasarkan trend turun naik harga barang sebelum permohonan permit dikemukakan.

### **Soalan 11**

**Adakah terdapat mekanisme pengesanan dalam sistem DNT atau Sistem Maklumat Kastam (SMK) yang boleh memantau kuantiti yang dieksport?**

Buat masa ini, tiada mekanisme pengesanan tertentu untuk memantau kuantiti yang dieksport di bawah sistem permit STA. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada ruangan validasi, sistem SMK akan menunjukkan ralat sekiranya kuantiti yang dieksport melebihi kuantiti yang diluluskan dalam permit.

### **Soalan 12**

**Dalam keadaan manakah permit itu boleh ditolak, digantung atau dibatalkan?**

Pihak Berkuasa yang berkenaan boleh pada bila-bila masa serta dalam keadaan-keadaan tertentu seperti berikut menolak, menggantung atau membatalkan suatu permit:

- (i) pemohon pernah disabitkan atas kesalahan di bawah STA 2010 atau undang-undang yang berkaitan;
- (ii) aktiviti dibawah permit akan melanggar atau mengakibatkan mana-mana perbuatan yang akan melanggar STA 2010 atau undang- undang yang berkaitan;
- (iii) pemohon pernah diberikan permit yang kemudiannya telah dibatalkan;
- (iv) pada pendapat Pihak Berkuasa yang berkenaan, aktiviti yang berkaitan dengan permit adalah atau berkemungkinan berkaitan dengan mana-mana aktiviti yang matlamat atau maksudnya bertentangan dengan kepentingan awam atau keselamatan negara;
- (v) pada pendapat Pihak Berkuasa yang berkenaan, aktiviti yang berkaitan dengan permit itu melanggar atau mengakibatkan suatu perbuatan yang akan melanggar

- sesuatu keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau mana-mana perjanjian antarabangsa yang Malaysia merupakan ahli;
- (vi) jika barang strategik atau barang tidak tersenarai yang berkenaan akan dibawa ke dalam Malaysia, atau dihantar, dari negara pengeksport dan eksport atau penghantaran barang strategik atau barang tidak tersenarai itu tidak memperoleh kelulusan daripada pihak berkuasa negara pengeksport bagi pengeksportan, perolehan atau pelupusan;
  - (vii) pemohon enggan atau tidak dapat mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan berkaitan dengan permohonannya;
  - (viii) pemohon telah mengemukakan, berkaitan dengan mana-mana permohonan yang dibuat olehnya atau bagi pihaknya—
    - (a) maklumat yang palsu atau mengelirukan; atau
    - (b) mana-mana dokumen yang mengandungi pernyataan yang menjadikan dokumen itu palsu atau mengelirukan; atau
  - (ix) pada pendapat Pihak Berkuasa yang berkenaan, pemohon bukan orang yang layak atau sesuai untuk memegang permit itu atas apa-apa sebab lain.

### **Soalan 13**

**Apakah jenis permit yang perlu dipohon untuk membawa barang strategik dengan tangan (*hand-carry*)?**

Permit STA diperlukan sekiranya barang yang dibawa dengan tangan (*hand-carry*) termasuk teknologi adalah strategik. Memandangkan ianya akan dibawa oleh individu, Permit sekali guna akan dikeluarkan. Permohonan permit perlu dikemukakan kepada Sekretariat Perdagangan Strategik berserta dengan Pernyataan Kegunaan Akhir; spesifikasi teknikal barang; salinan pasport serta jadual perjalanan individu yang akan membawa barang tersebut.

### **Soalan 14**

**Adakah memadai untuk syarikat induk sahaja untuk melanggan atau berdaftar dengan Sistem E-permit, atau adakah cawangan-cawangan syarikat juga diperlukan untuk melanggan atau berdaftar?**

Ia adalah bergantung kepada model perniagaan pemohon. Jika pengeksportan atau aktiviti-aktiviti di bawah STA 2010 hanya dilaksanakan oleh syarikat induk, adalah memadai bagi syarikat induk sahaja untuk mendaftar. Walau bagaimanapun, jika cawangan syarikat juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti tersebut, maka cawangan tersebut juga perlu berdaftar.

### **Soalan 15**

**Sekiranya syarikat saya dilantik oleh pihak Kerajaan untuk mengeksport/transit/tranship Barang Strategik bagi pihak mereka, adakah saya memerlukan permit STA?**

Peraturan 22 di bawah Peraturan-Peraturan Perdagangan Strategik 2010 memberikan pengecualian permit STA ke atas aktiviti yang dijalankan bagi pihak Kerajaan Malaysia. Syarikat dikehendaki mengemukakan surat pelantikan daripada agensi berkaitan kepada JKDM untuk mendapatkan pengecualian ini.

## **E. PENGGUNA AKHIR DAN PENYATA KEGUNAAN AKHIR**

### **Soalan 1**

#### **Siapakah Pengguna Akhir Terhad dan Pengguna Akhir Terlarang?**

Pengguna Akhir Terhad dan Pengguna Akhir Terlarang adalah individu, entiti, negara dan destinasi yang telah disenaraikan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri apabila mereka disyaki terlibat dengan sesuatu aktiviti terhad.

### **Soalan 2**

#### **Adakah pengeksportan barang strategik kepada Pengguna Akhir Terhad atau Pengguna Akhir Terlarang dibenarkan?**

Pengeksportan barang strategik kepada Pengguna Akhir Terlarang adalah tidak dibenarkan sama sekali dalam apa jua keadaan. Walau bagaimanapun, pengeksportan barang strategik kepada Pengguna Akhir Terhad adalah dibenarkan dengan syarat pemohon permit memperoleh Permit Khas daripada Sekretariat Perdagangan Strategik.

### **Soalan 3**

#### **Apakah Penyata Kegunaan Akhir (EUS)?**

Penyata Kegunaan Akhir adalah perakuan bertulis yang dikemukakan oleh pengguna akhir barang strategik dan mengandungi maklumat pengguna serta kegunaan akhir barang strategik yang akan dieksport.

### **Soalan 4**

#### **Adakah pemohon perlu mengemukakan Penyata Kegunaan Akhir untuk semua permohonan permit?**

Ya. Penyata Kegunaan Akhir perlu dikemukakan untuk semua permohonan sekali guna, permit pukal dan permit khas STA 2010. Walau bagaimanapun, bagi permohonan permit kegunaan pelbagai kali, pemohon boleh mengemukakan sekurang-kurangnya satu Penyata Kegunaan Akhir. Adalah menjadi tanggungjawab pemohon/ pengeksport untuk menyimpan semua EUS dari semua pengguna akhir/ pengimpor yang disenaraikan dalam Permit STA. EUS tersebut perlu dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan sekiranya diminta pada bila-bila masa.

## **Soalan 5**

**Bagi kes di mana pengguna akhir yang muktamad sukar dikenalpasti disebabkan model tertentu perniagaan syarikat, bolehkah pengedar diklasifikasi dan dipertimbangkan sebagai pengguna akhir?**

Borang 5 (EUS) telah dipinda berkuatkuasa pada 1 Disember 2011 dengan mengambilkira perbezaan model perniagaan yang dijalankan.Terdapat penambahan ruang dalam Borang baru bagi pengisytiharan barang yang dieksport samada untuk penggunaan/ pembuatan/ pengedaran/ pembaikan.Sekiranya EUS dibekalkan oleh pihak pengedar, pengedar tersebut adalah bertanggungjawab memastikan pengguna akhirnya tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang dilarang di bawah STA 2010.Pengedar tersebut juga adalah tertakluk kepada undang-undang dan Peraturan di bawah peruntukan pemakaian luar wilayah STA 2010.

## **Soalan 6**

**Bagaimanakah sekiranya konsaini juga merupakan pihak pengedar dan enggan mengemukakan Penyata Kegunaan Akhir?**

Penyata Kegunaan Akhir merupakan keperluan mandatori di bawah STA 2010.Jika pihak pengedar gagal mengemukakannya, pengeksport dinasihatih untuk tidak meneruskan transaksi tersebut.

## **Soalan 7**

**Bolehkah kontrak bertulis digunakan untuk menggantikan EUS?**

Tidak. EUS adalah borang yang diwartakan. Kontrak bertulis juga tidak menunjukkan penggunaan akhir sebenar barang.

## **Soalan 8**

**Bolehkah EUS sedia ada bagi permit kegunaan pelbagai kali digunakan semula bagi permohonan permit baru?**

EUS yang baru perlu dikemukakan bagi permohonan pembaharuan permit kegunaan pelbagai kali. EUS baru akan menunjukkan kuantiti barang yang akan dieksport untuk tempoh dua tahun akan datang serta sebarang perubahan yang berlaku di peringkat pengguna akhir seperti alamat, maklumat perhubungan dan lain-lain.

## **Soalan 9**

**Sejauh manakah pengeksport bertanggungjawab ke atas maklumat yang disediakan oleh pengguna akhir?**

Adalah menjadi tanggungjawab pengeksport melaksanakan tapisan terperinci ke atas semua pengguna akhir sebelum permit dipohon. Tapisan ini amat penting terutamanya bagi pengguna akhir baru. Tapisan khusus juga perlu dilaksanakan ke atas pengguna akhir dari negara-negara terhad.

### **Soalan 10**

**Bolehkah penambahan pengguna akhir/ pengimport baru dibuat ke atas permit pelbagai guna sedia ada?**

Boleh. Pengguna akhir baru/ pengimport baru perlu didaftarkan terlebih dahulu melalui sistem e-permit. Selepas itu Penyataan Kegunaan Akhir pengimport baru perlu dikemukakan kepada pihak berkuasa yang mengeluarkan permit. Semasa mengemukakan permohonan untuk menambah pengimport baru, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

- (i) menyenaraikan pengimport baru/ pengguna akhir didalam surat iringan dengan menggunakan kepala surat syarikat;
- (ii) mencatat nombor permit pelbagai guna yang akan digunakan untuk menambah pengguna akhir baru / pengimport baru;
- (iii) memastikan kuantiti diluluskan dalam permit pelbagai guna asal tidak terjejas dengan penambahan pengguna akhir baru/ pengimport baru; dan
- (iv) tiada perubahan kod kategori produk yang akan dieksport kepada pengguna akhir baru/ pengimport baru.

## **F. PEMINDAHAN TEKNOLOGI DAN PENYELIDIKAN**

### **Soalan 1**

**Apakah yang dimaksudkan sebagai mengeksport teknologi?**

Pengeksportan teknologi bermaksud penghantaran atau pemindahan maklumat dan data melalui mana-mana kaedah ke destinasi di luar Malaysia dalam apa-apa bentuk untuk tujuan merekabentuk, membangun, mengeluar atau untuk kegunaan item yang lain. Pemindahan teknologi melibatkan data teknikal, bantuan teknikal dan perisian komputer.

### **Soalan 2**

**Adakah semua teknologi dikawal di bawah STA 2010?**

Teknologi hanya dikawal sekiranya ia diperlukan untuk pembangunan, pengeluaran atau kegunaan dalam barang atau perisian yang tersenari sebagai barang strategik dalam Perintah Perdagangan Strategik (Barangan Strategik) 2010, ataupun teknologi itu sendiri dinyatakan sebagai strategik di dalam Perintah tersebut.

### **Soalan 3**

**Adakah para penyelidik perlu memohon permit eksport untuk menghantar/ mengirim maklumat berkaitan teknologi kepada seseorang yang berada di luar Malaysia?**

Penyelidik perlunya samada maklumat penyelidikan tersebut dikawal di bawah STA 2010. Sekiranya ya, penyelidik perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan sebelum menghantar keluar maklumat tersebut

#### **Soalan 4**

**Bagaimanakah pemindahan teknologi strategik (ITT) dapat dikawal dalam syarikat saya?**

Mengawal sesuatu yang tidak ketara adalah satu cabaran. Pendidikan adalah penting dalam hal ini. Di bawah STA 2010, ia adalah tanggungjawab anda untuk memastikan bahawa pekerja anda dididik mengenai perkara itu. Dasar syarikat mengenai ITT perlu disampaikan kepada semua kakitangan yang mempunyai akses kepada teknologi strategik. Anda boleh mengenakan sekatan akses kepada pelbagai peringkat teknologi mengikut sensitiviti teknologi tersebut. Garis panduan dan prosedur yang jelas akan memastikan kawalan teknologi yang sistematik dalam syarikat anda.

#### **G. PENGISYTIHARAN KASTAM**

##### **Soalan 1**

**Apakah liabiliti pihak forwarder sekiranya membuat pengisytiharan yang salah berkenaan barang strategik di dalam borang Pengesahan Kastam K2 dan K8?**

Adalah menjadi satu kesalahan di bawah STA 2010 sekiranya membuat pengisytiharan yang salah. Pihak pengeluar dan pihak forwarder dinasihatkan untuk mendapatkan Shipper's Instruction sebelum mengisyiharkan samada barang yang dieksport adalah strategik atau sebaliknya. Pemakluman itu boleh disampaikan melalui apa-apa cara seperti e-melatau invois.

##### **Soalan 2**

**Bolehkah barang strategik dan bukan strategik diisyihar dalam borang Pengesahan Kastam K2/ K8 yang sama?**

Bagi memudahkan berurusan dengan pihak Kastam DiRaja Malaysia, syarikat dinasihatkan untuk mengisyihar barang strategik dan bukan strategik dalam borang Pengesahan Kastam K2/K8 yang berbeza.

##### **Soalan 3**

**Sekiranya terdapat kesilapan semasa mengisyihar borang Pengesahan Kastam, bolehkah borang tersebut dipinda selepas barang dieksport?**

Tidak. Pengisyiharan dalam borang Kastam yang tidak benar/ tepat adalah merupakan satu kesalahan di bawah STA 2010.

##### **Soalan 4**

**Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak shipper sekiranya didapati barang yang dieksport telah tersalah isytihar. Bolehkah perisyiharan itu ditarik balik?**

Perisyiharan tersebut tidak boleh ditarik balik. Pada masa ini tiada sebarang peruntukan di bawah STA 2010 untuk menarik kembali perisyiharan barang yang telah dieksport. Perisyiharan yang salah kepada pihak Kastam bagi barang yang dieksport adalah

merupakan satu kesalahan dan hukuman yang berat boleh dikenakan. Adalah menjadi tanggungjawab pemegang permit untuk memaklumkan pihak Sekretariat dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia mengenai barang yang telah salah diisyiharkan. Tindakan sewajarnya akan diambil oleh pihak berkuasa bagi pelanggaran di bawah STA 2010.

#### **Soalan 5**

**Adakah pihak pengeksport boleh menyemak Sistem Maklumat Kastam (SMK) bagi memastikan pihak *forwarder* telah membuat pengisytiharan yang tepat?**

Tidak, buat masa ini Sistem Maklumat Kastam tidak boleh diakses oleh pihak pengeksport. Ia hanyalah untuk kegunaan pihak Kastam sahaja.

#### **Soalan 6**

**Bagaimanakah kami boleh memastikan sekiranya *forwarder* telah mengisytiharkan produk kami sebagai barang strategik dan telah mencatat nombor permit STA dalam borang perisyiharan kastam?**

Anda boleh meminta *forwarder* mencetak borang pengikraran kastam dan Resit Rasmi JKDM (COR) untuk membuktikan nombor permit STA yang betul telah dicatatkan dalam borang perisyiharan kastam.

### **H. KESALAHAN DAN PENALTI**

#### **Soalan 1**

**Adakah syarikat Malaysia yang beroperasi/ terletak di luar Malaysia akan dikenakan tindakan di bawah STA 2010 sekiranya syarikat melakukan kesalahan di luar negara?**

Setiap syarikat perlu mematuhi undang-undang kawalan eksport tempatan di negara di mana syarikat beroperasi. Sebarang ketidakpatuhan terhadap undang-undang kawalan eksport negara berkenaan akan memberi impak kepada kredibiliti dan reputasi anak-anak syarikat serta syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengannya di Malaysia, dan boleh dikenakan hukuman.

#### **Soalan 2**

**Apa akan berlaku kepada pemegang permit jika didapati barang yang dieksport telah digunakan dalam aktiviti-aktiviti terlarang?**

Ia adalah menjadi tanggungjawab pemegang permit/ pengeksport untuk melakukan penilaian yang wajar pada pengimport anda sebelum mengeksport. Oleh itu, adalah penting bagi anda untuk mengetahui produk anda dan mengenali pelanggan anda dengan baik. Walau bagaimanapun, jika kejadian seperti ini berlaku walaupun segala usaha untuk memastikan bahawa STA 2010 adalah dipatuhi, anda perlu menyediakan bukti dokumentari bahawa syarikat itu dan kakitangannya tidak terlibat samada disedari/ tanpa disedari dalam urus niaga barang berkenaan.

### **Soalan 3**

**Adakah terdapat apa-apa peruntukan bagi pengisytiharan sukarela (*voluntary disclosure*) di bawah STA 2010?**

Pada masa ini, tiada peruntukan bagi pengisytiharan sukarela(*voluntary disclosure*) di bawah STA 2010?

### **Soalan 4**

**Apa jenis tindakan yang boleh diambil oleh syarikat jika didapati barang strategik yang mempunyai permit sah telah hilang?**

Syarikat perlu melaporkan kehilangan kepada STS dalam tempoh dua bulan dari tarikh penghantaran berserta dengan Penyata Pengesahan Penghantaran (DVS) serta dokumen sokongan yang berkaitan. Syarikat juga dikehendaki untuk mengemukakan hasil siasatan yang telah dijalankan ke atas kehilangan barang kepada Sekretariat.

## **I. PENILAIAN KE ATAS PEMATUHAN STA 2010**

### **Soalan 1**

**Adakah syarikat akan diberitahu sebelum audit dilaksanakan oleh Sekretariat?**

Ya. Walau bagaimanapun, pengauditan boleh dilaksanakan tanpa notis terlebih dahulu sekiranya syarikat disyaki melanggar peruntukan STA 2010.

### **Soalan 2**

**Adakah saya perlu menyimpan/ mengekalkan rekod-rekod bagi aktiviti eksport barang strategik?**

Ya. Semua dokumen berkaitan permit/ pendaftaran broker perlu direkod dan disimpan untuk tempoh sekurang-kurangnya selama enam (6) tahun. Untuk butiran lanjut, sila rujuk Peraturan 30,Peraturan-Peraturan Perdagangan Strategik 2010.

### **Soalan 3**

**Adakah softcopy dokumen mencukupi sebagai bukti penyimpanan rekod?**

Ya.

### **Soalan 4**

**Adakah latihan yang diberi oleh tenaga pengajar luar mengenai STA 2010/ kawalan eksport dan latihan yang dijalankan secara intranet oleh syarikat dianggap sebagai sebahagian daripada latihan yang diperlukan di bawah ICP?**

Boleh, selagi topik yang dibincangkan adalah berkaitan dengan prosedur perdagangan yang mengandungi unsur-unsur kawalan eksport.

## **J. PENYATA PENGESAHAN PENGHANTARAN (DVS)**

### **Soalan 1**

**Bagaimana syarikat menentukan tarikh eksport barang apabila mengemukakan Penyata Pengesahan Penghantaran (DVS) atau Borang 6 bagi permit pukal dan permit pelbagai guna?**

Pihak syarikat boleh menyatakan tempoh aktiviti eksport dilakukan atau menyatakan tarikh eksport seperti yang diminta oleh/ mengikut permintaan pihak berkuasa berkenaan. DVS perlu dikemukakan tertakluk kepada permintaan pihak berkuasa, tetapi syarikat perlulah memastikan semua dokumen penghantaran yang berkaitan disimpan di dalam rekod sekurang-kurangnya 6 tahun selepas tarikh eksport.

### **Soalan 2**

**Apakah tarikh eksport yang perlu dinyatakan di dalam DVS di ruang kolumn bagi kes pemindahan? Adakah ianya tarikh eksport dari negara asal atau tarikh pemindahan barang?**

Tarikh eksport di dalam Borang DVS adalah berdasarkan tarikh barang tersebut tiba diMalaysia.

### **Soalan 3**

**Adakah ruangan nama dan gelaran/jawatan di dalam Borang DVS terhad untuk nama pemohon syarikat yang diberi kuasa dan berdaftar sahaja? Di ruangan Pengguna Akhir dalam borang yang sama, adakah syarikat perlu menyatakan butiran Pengguna Akhir sepertimana yang dinyatakan di dalam EUS atau butiran penerima bagi pihak pengimport?**

Ruangan nama dan gelaran/jawatan tidak dihadkan untuk nama pemohon syarikat yang diberi kuasa dan berdaftar sahaja>Nama pegawai/kakitangan yang bertanggungjawab terhadap pematuhan kawalan eksport dan perdagangan di dalam syarikat tersebut boleh diterima.Manakala di ruangan Pengguna Akhir, syarikat perlu menyatakan butiran Pengguna Akhir sepertimana yang dinyatakan di dalam EUS.

### **Soalan 4**

**Adakah syarikat akan menerima sebarang notifikasi pengesahan daripada MITI bagi penyerahan DVS?**

MITI akan memberi maklum balas bagi pengesahan penerimaan DVS dan akan menghubungi pihak syarikat sekiranya terdapat pertanyaan lanjut.

### **Soalan 5**

**Bolehkah borang Kastam K2/K8 dikemukakan sebagai bukti penghantaran barang untuk tujuan pengesahan DVS?**

Borang Kastam K2/K8 tidak diambilkira sebagai bukti penghantaran barang.Bukti penghantaran barang merupakan sebarang bentuk pengesahan yang dikemukakan oleh pengimport/ pengguna akhir bahawa barang strategik tersebut telah sampai kepada

pengguna akhir contohnya pengesahan melalui emel yang dihantar oleh pengguna akhir atau syarikat perkhidmatan penghantaran.

## **K. GUDANG PENGILANGAN BERLESEN, GUDANG BERLESEN DAN ZON PERDAGANGAN BEBAS**

### **Soalan 1**

**Adakah aktiviti penghantaran barang dari zon bebas ke Gudang Pengilangan Berlesen (LMW) di Malaysia dikira sebagai eksport?**

Kegiatan eksport di bawah STA 2010 didefinisikan sebagai membawa keluar sesuatu barang dari Malaysia samada melalui darat, laut atau udara. Barang tersebut mesti meninggalkan negara ini secara fizikal untuk dianggap sebagai eksport. Sekiranya barang tersebut dijual kepada pelanggan dalam negara, termasuk kepada pihak Gudang Pengilangan Berlesen (LMW) atau kepada pelanggan di Sabah, Sarawak Pulau Langkawi atau Labuan, ianya tidak dikira sebagai eksport di bawah STA. Oleh yang demikian, transaksi tersebut tidak memerlukan permit eksport.

### **Soalan 2**

**Apakah tanggungjawab syarikat yang beroperasi di Zon Perdagangan Bebas?**

Permit membawa dalam transit adalah dikecualikan untuk membawa dalam transit atau pemindahan barang strategik sekiranya barang berada dalam Zon Perdagangan Bebas untuk tempoh kurang daripada 30 hari. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak terpakai bagi barang yang disenaraikan dalam Jadual 3 di bawah Peraturan-Peraturan Perdagangan Strategik atau destinasi yang melibatkan pengguna akhir terlarang di bawah STA 2010. Adalah menjadi tanggungjawab syarikat yang mengendalikan barang (transit dan transhipmen) untuk memohon permit jika melibatkan barang strategik.

### **Soalan 3**

**Adakah Peraturan 25 digunakan ke atas gudang berlesen?**

Peraturan 25 menjelaskan syarat-syarat bagi pengecualian permit untuk membawa dalam transit dan pemindahan. Syarat-syarat tersebut juga adalah terpakai ke atas Gudang-Gudang Berlesen.

## **L. HUBUNGI KAMI**

**Bagaimana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Akta Perdagangan Strategik 2010 dan pelaksanaannya?**

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada pihak Sekretariat Perdagangan Strategik di Kementerian Perdagangan Antrabangsa dan Industri, Tingkat 12, Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta, 50622 Kuala Lumpur, atau melalui emel di alamat [admin.sts@miti.gov.my](mailto:admin.sts@miti.gov.my) atau talian hotline, 03-6200 0585.